



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# PELAN STRATEGIK 2011 - 2015

*1Care for 1Malaysia*

Bahagian Perancangan dan Pembangunan  
2011

# **PELAN STRATEGIK**

## **2011 - 2015**



**1CARE FOR 1MALAYSIA**

**DITERBIT OLEH**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**2011**

ISBN 978-967-0399-03-4



9 789670 399034

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Bahagian Perancangan Dan Pembangunan  
Aras 6 – 9 Blok E 6 Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62198 Putrajaya.  
MALAYSIA

<http://www.moh.gov.my>  
email: prancang\_pbangunan@moh.gov.my

**HAK CIPTA**

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dari buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperbaiki, atau disiarkan dalam mana-mana alat, elektronik, mekanikal, fotokopi, perakam atau yang sebaliknya, tanpa izin dari **Bahagian Perancangan Dan Pembangunan, Kementerian Kesihatan, Malaysia.**

**PRINTED BY**

Perpatih Printers  
No 18 Jalan P/21,  
Selaman Light Industrial Park,  
Bandar Baru Bangi,  
Selangor.

No. Tel: 03- 8926 3860  
No. Fax: 03- 8926 5257

# KANDUNGAN

MUKA SURAT

MESEJ DARIPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	i
MESEJ DARIPADA KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA	ii
<b>1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	1
1.2 Isu dan Cabaran Sektor Kesihatan	1
1.3 Visi, Misi dan Objektif KKM	2
1.4 Struktur Organisasi	3
<b>2 PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA</b>	<b>5</b>
<b>3 TERAS STRATEGIK/BIDANG KEBERHASILAN UTAMA [KEY RESULT AREAS(KRA)]</b>	<b>5</b>
<b>4 STRATEGI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA</b>	<b>6</b>
<b>5 PEMANTAUAN PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK KKM</b>	<b>14</b>
5.1 Indikator Utama/Generik	14
5.2 Indikator Spesifik	15
<b>6 PENUTUP</b>	<b>15</b>
<b>7 RUJUKAN</b>	<b>16</b>
<b>8 LAMPIRAN</b>	<b>17</b>



**Mesej Daripada  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Semenjak Kemerdekaan, sistem kesihatan Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan taraf kesihatan rakyat berada dalam keadaan bertambah baik malah kini hampir setanding dengan Negara maju. Namun demikian, sistem kesihatan Malaysia sentiasa berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran yang boleh menjelas prestasi dan kemampanannya. Lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan liberalisasi, sistem kesihatan kita perlu bersaing dengan negara luar bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terulung yang dapat dibanggakan.

Sebagai peneraju dalam sektor kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu memberi pimpinan terhadap hampir semua perkara berkenaan kesihatan di samping menetapkan halatuju dan tunjuk arah pembangunan kesihatan bagi negara ini. Pelan strategik KKM ini merupakan pelan perlaksanaan aktiviti-aktiviti kesihatan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) iaitu dari 2011-2015.

Pelan ini mengutarakan beberapa cabaran utama serta menggariskan usaha-usaha yang telah dirancang untuk menangani cabaran ini. Fokusnya adalah untuk membentuk strategi yang paling sesuai, efektif dan berkesan dengan menggunakan sumber secara efisien bagi mempertingkatkan kualiti penjagaan kesihatan.

Pelan Strategik KKM ini akan digunakan oleh KKM untuk menetapkan halatuju sektor kesihatan bagi Aktiviti dan Program ke arah mencapai Wawasan 2020. Ia merupakan rujukan bagi semua organisasi di bawah KKM untuk memastikan aktiviti dan sumber yang diberi disalurkan untuk mencapai matlamat utama KKM. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua ahli yang terlibat dalam menyediakan pelan strategik ini.

  
**Datuk Kamarul Zaman Bin Md Isa**  
Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia



**Mesej Daripada  
KETUA PENGARAH  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Malaysia sering dipuji kerana memiliki sistem penjagaan kesihatan yang komprehensif dan meluas. Bagi meneruskan usaha yang membanggakan ini, sistem kesihatan perlu melalui transformasi untuk mempertingkatkan prestasi penjagaan kesihatan berkualiti yang mampan lagi berkesan. Ini hanya boleh dilaksanakan dengan perancangan kesihatan yang teliti berdasarkan bukti agar sistem kesihatan kita sentiasa bersedia apabila berhadapan dengan isu kesihatan yang kian mencabar.

Antara isu utama yang melanda sektor kesihatan sejak kebelakangan ini termasuklah peningkatan permintaan ke atas sistem penjagaan kesihatan khususnya di sektor awam yang boleh menjejas kualiti perkhidmatan kesihatan yang diberi, peningkatan harapan rakyat ke atas kualiti penjagaan kesihatan serta peningkatan kos pembiayaan kesihatan. Bagi menangani isu-isu utama, KKM sedang membangunkan pelan transformasi *1Care for 1Malaysia*. Sasaran *1Care* ialah untuk menjadikan sistem kesihatan nasional lebih responsif serta memberi pilihan kepada rakyat untuk mendapatkan penjagaan kesihatan yang berkualiti di samping memastikan liputan perkhidmatan yang sejagat berlandaskan kepada prinsip kesatuan dan kesaksamaan.

Pelan Strategik 2011-2015 ini disediakan dengan harapan ianya dapat dijadikan rujukan untuk memperkuatkan rangka binaan sistem kesihatan sebagai persiapan untuk mewujudkan sistem kesihatan yang disasarkan di bawah cadangan pelan transformasi *1Care*.

Besar harapan saya agar semua pihak yang berkepentingan dapat memberikan tumpuan khusus untuk melaksanakan strategi-strategi yang telah dirancang dan berusaha gigih untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Selamat maju jaya.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hasan".

**Dato' Sri Dr Hasan Bin Abdul Rahman**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

# 1 PENGENALAN

## 1.1 LATAR BELAKANG KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Perkhidmatan kesihatan di Malaysia bermula semenjak abad ke 19. Pada awalnya, ia bertujuan untuk menyediakan rawatan kepada pekerja industri perlombongan bijih timah dengan kadar bayaran rawatan yang dikenakan sebanyak 50 sen seorang untuk tempoh setahun<sup>1</sup>. Berikutan itu, banyak hospital dibina di Perak. Hospital Taiping (dahulunya dikenali sebagai Hospital Yeng Wah) merupakan antara hospital pertama yang dibina pada tahun 1880. Menjelang kemerdekaan, terdapat 65 buah hospital di seluruh negara<sup>2</sup>. Memandangkan penyakit berjangkit pada waktu itu menular dengan meluasnya di Malaysia, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah diwujudkan pada tahun 1900 bagi mengkaji punca dan kaedah mengawal jangkitan, khususnya penyakit tropika<sup>3</sup>.

Setelah mencapai kemerdekaan, kerajaan memberi tumpuan untuk meningkatkan tahap sosio ekonomi penduduk khususnya penduduk luar bandar. Sektor kesihatan adalah di antara bidang yang diberi keutamaan. Prasarana bagi penjagaan kesihatan primer seterusnya giat dibangunkan selari dengan perkembangan perkhidmatan hospital.

Kementerian Kesihatan pernah digabungkan dengan Kementerian Kebajikan bagi dua tempoh iaitu antara 1956 - 1957 dan 1960 - 1962 di mana, pada waktu itu, ia diberi nama Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat. Ketika itu, di samping menangani isu kesihatan, Kementerian ini turut memainkan peranan dalam pemulihan isu-isu sosial serta pembangunan masyarakat. Walau bagaimana pun, semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963, Kementerian ditukar semula kepada nama asal iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia yang kekal sehingga sekarang.

## 1.2 ISU DAN CABARAN SEKTOR KESIHATAN MALAYSIA

Sistem kesihatan di Malaysia berhadapan dengan pelbagai isu yang kian mencabar yang boleh menjadikan prestasi dan kelestariannya. Sistem kesihatan negara ini terdiri daripada rangkaian sistem kesihatan awam dan swasta. Rangkaian sistem kesihatan sektor awam adalah turjang kepada sistem kesihatan negara ini. Prasarananya terdapat di serata pelosok negara dan ianya memberi perkhidmatan kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira kaum dan darjah. Perkhidmatan kesihatan swasta pula lebih tertumpu di kawasan bandar dan memberi perkhidmatan kepada mereka yang berkemampuan atau mempunyai perlindungan pembiayaan kesihatan sendiri atau disediakan oleh majikan.

Kewujudan sistem penyampaian sektor swasta memberi pilihan kepada rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan selain daripada yang disediakan oleh kerajaan. Disamping itu, ianya juga menjadi pelengkap kepada perkhidmatan yang disediakan oleh sektor awam. Walau bagaimana pun, sistem penyampaian sektor swasta turut memberi cabaran kepada sektor awam kerana kemampuannya menarik tenaga profesional supaya meninggalkan sektor awam dan memberi layanan serta perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan. Ini mengwujudkan jurang antara sektor awam dan swasta seperti kekurangan tenaga kerja profesional, beban tugas yang tinggi serta kesesakan di kemudahan kesihatan awam.

Selain faktor kekurangan tenaga kerja, beban tugas yang tinggi dan kesesakan di kemudahan kesihatan awam juga disebabkan oleh keterbatasan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan di sektor swasta akibat kekangan kewangan. Ini adalah kerana perkhidmatan sektor swasta berdasarkan keuntungan. Kaedah pembayaran secara *fee-for-service* serta kadar caj perkhidmatan yang tidak seragam mendedahkan rakyat kepada risiko kemudaratkan kewangan sekiranya mendapatkan perkhidmatan di sektor swasta.

Selain itu, isu peningkatan kos penjagaan kesihatan sering diperkatakan sejak kebelakangan ini. Dalam jangka masa 13 tahun dari 1997 - 2009, perbelanjaan kesihatan Malaysia telah meningkat, secara purata, 12-13% setahun iaitu, lebih daripada peningkatan kadar inflasi am<sup>3</sup>. Antara faktor penyumbang kepada kenaikan kos ini ialah kenaikan caj perkhidmatan yang dikaitkan dengan perubahan kepada ubat-ubatan, teknologi serta kos sara hidup; peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan akibat perubahan pola penyakit, pola demografi penduduk serta peningkatan kesedaran terhadap kesihatan oleh penduduk<sup>4</sup>.

Bagi mengatasi jurang perkhidmatan yang dikaitkan dengan kewujudan dwi sistem ini (awam dan swasta) serta menangani isu peningkatan kos perkhidmatan kesihatan yang mendadak, satu mekanisme perlu dibangunkan bagi mengintegrasikan sistem penyampaian sektor awam dan swasta melalui kaedah pembiayaan kesihatan yang bersepadu.

Seperti negara membangun yang lain, Malaysia turut berdepan dengan fenomena transisi epidemiologi dan demografi. Negara masih terus dibebankan dengan penyakit berjangkit seperti penyakit denggi, malaria, tuberkulosis dan penyakit bawaan air<sup>5</sup>. Insiden denggi, malaria, tuberkulosis pada tahun 2010 adalah masing-masing 148.73 /100,000, 23.47/100,000 dan 68.25/100,000. Sejak 10 tahun kebelakangan ini, Malaysia juga terpaksa menghadapi cabaran krisis kesihatan akibat serangan virus Nipah, Enterovirus, Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) serta krisis kesihatan berikutan bencana alam seperti tsunami, banjir dan tanah runtuh. Walaupun krisis kesihatan ini dapat dikawal, persediaan harus dibuat bagi meramal dan merancang tindakan awal sekiranya krisis serupa ini melanda Malaysia pada masa akan datang<sup>4</sup>.

Malaysia turut mengalami peningkatan masalah kesihatan berkaitan cara hidup, pemakanan dan persekitaran seperti penyakit kardiovaskular, kanser, kencing manis, darah tinggi dan lain-lain<sup>4</sup>. Menurut Tinjauan Kesihatan Kebangsaan ke 3, prevalensi kencing manis dan darah tinggi (dalam kalangan orang dewasa berumur 30 tahun ke atas) masing-masing adalah 14.6% dan 46.2% pada tahun 2006. Prevalensi merokok dalam kalangan dewasa adalah 25.5%, obes sebanyak 14.0% dan mereka yang tidak aktif secara fizikal sebanyak 43.7%. Rakyat perlu diberi kesedaran dan mengubah gaya hidup agar menjadi lebih aktif supaya penyakit sedemikian boleh dicegah dan dikawal<sup>4</sup>. Rakyat perlu sedar bahawa kesihatan adalah tanggungjawab bersama dan individu, keluarga dan masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing dalam menjamin kesihatan masyarakat di Malaysia.

Dengan meningkatnya taraf pengetahuan rakyat, keperluan dan kehendak terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan turut meningkat. Dalam era globalisasi dan liberalisasi ini, masyarakat Malaysia lebih terdedah kepada maklumat luar mengenai pelbagai ubat-ubatan dan kaedah rawatan yang ada, di antaranya mungkin kurang selamat dan efektif. Seperti di negara Barat, amalan perubatan tradisional dan komplimentari kian mendapat perhatian ramai rakyat di Malaysia. Kebiasaannya, ubat-ubatan yang dijual digolongkan dalam kategori makanan bagi mengelak pengesanan oleh pihak berkuasa dan mudah dibeli oleh rakyat. Justeru, pihak kerajaan harus memainkan peranannya yang penting bagi memastikan kualiti penjagaan kesihatan yang terbaik dan selamat diberikan kepada rakyat. Penguatkuasaan dan perundangan perubatan perlu diperkuatkukan.

Selaras dengan agenda transformasi ekonomi negara bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, sektor kesihatan telah dikenal pasti sebagai salah satu sektor yang berpotensi untuk dimajukan bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara. Industri penjagaan kesihatan adalah antara industri yang paling dinamik dan pesat berkembang dalam ekonomi dunia. Sehingga kini, pertumbuhan industri penjagaan kesihatan di Malaysia adalah bersifat semula jadi dan ia banyak digerakkan oleh penggunaan produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan oleh sektor domestik.

Sehingga kini, tiada usaha bersepadan diambil untuk meneroka peluang dan meningkatkan pendapatan daripada industri ini. Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Penjagaan Kesihatan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) berhasrat untuk menangani ketidakseimbangan ini. Pembangunan industri penjagaan kesihatan negara mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara yang mampan dan pada masa yang sama, ia secara tidak langsung dapat memberikan impak sosial yang ketara.

### **1.3 VISI, MISI, OBJEKTIF DAN NILAI TERAS KKM**

Visi KKM<sup>6</sup> adalah ‘Negara menggembung tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik’.

Misi<sup>6</sup> Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

- i. untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:
  - mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
  - menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
  - mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka
- ii. untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu:
  - mengutamakan pelanggan
  - saksama
  - tidak membebangkan
  - cekap
  - wajar mengikuti teknologi
  - boleh disesuaikan mengikut persekitaran
  - inovatif

- iii. dengan menekankan:
  - sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan ('budaya korporat')
  - sifat menghormati maruah insan
  - penglibatan masyarakat

Objektif<sup>7</sup> KKM adalah untuk membantu seseorang individu mencapai dan mengekalkan satu taraf kesihatan bagi membolehkannya menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif. Ini boleh dicapai dengan menyediakan perkhidmatan bercorak penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang cekap, sesuai dan berkesan dengan memberi penekanan kepada golongan-golongan yang kurang berasib baik.

Nilai-nilai teras KKM adalah sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan. Melalui penerapan sifat penyayang, penjawat awam di KKM sentiasa bersedia menerima sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan dengan sikap ramah mesra dan penuh perhatian sambil mengekalkan sifat-sifat bermaruah. KKM menerima tanggungjawab sosial dengan memberi perkhidmatan dengan berkesan.

Penjawat awam KKM mengamal dan mengekalkan tahap profesionalisme yang tinggi dalam memberi perkhidmatan yang adil dengan mengambil kira prinsip masyarakat yang bertanggungjawab. KKM berusaha untuk menerajui perkhidmatan cemerlang dan sentiasa bersedia memenuhi harapan masyarakat.

Penjawat awam KKM sentiasa membudayakan semangat bekerja sebagai satu pasukan dengan mengekalkan budaya kerja yang menggalakkan sifat bekerjasama, bertanggungjawab, boleh diharap, produktif dan efisien.

Pelanggan<sup>8</sup> utama KKM terdiri daripada pelanggan luar dan pelanggan dalaman. Pelanggan luar adalah pesakit yang turut termasuk penagih dadah, ibu mengandung, orang sihat, industri, komuniti yang termasuk rakyat, pelajar, orang asli dan orang kurang upaya, kementerian lain seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pendidikan, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia. Pelanggan dalaman termasuk anggota pentadbiran KKM dan Menteri.


#### **1.4 STRUKTUR ORGANISASI**

KKM didukungi oleh 7 program dan 49 aktiviti<sup>8,9</sup>. Program-program berkenaan adalah :

1. Program Pengurusan
2. Program Kesihatan Awam
3. Program Perubatan
4. Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal
5. Program Kesihatan Pergigian
6. Program Perkhidmatan Farmasi
7. Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

Perlaksanaan program dan aktiviti adalah melalui organisasi KKM<sup>10</sup> yang tertera di Carta 1

## **Carta 1 : Carta Organisasi Kementerian Kesihatan Malaysia**



## 2. PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Pelan Strategik KKM 2011-2015 ini merupakan suatu dokumen yang menggariskan perancangan strategik organisasi KKM (*business strategic plan*) bagi tempoh yang ditetapkan untuk membantu Ketua Program dan Aktiviti di bawah KKM melaksanakan pelan kesihatan masing-masing.

Dokumen Pelan Strategik KKM 2011-2015 ini hendaklah dibaca bersama dengan Laporan Pelan Kesihatan Negara (*Country Health Plan*)<sup>4</sup> yang menggariskan pelan pembangunan sektor kesihatan untuk RMK10 dan pelan tindakan yang telah digariskan dalam laporan makmal Bidang Ekonomi Utama Negara / *National Key Economic Area* (NKEA) Penjagaan Kesihatan di bawah Pelan Transformasi Ekonomi (ETP).

Pelan Strategik KKM adalah dokumen rujukan organisasi di bawah KKM untuk merancang hala tuju KKM bagi tempoh 5 tahun akan datang khususnya dalam usaha memperkuuhkan sistem kesihatan sedia ada dalam usaha untuk menjayakan *1 Care for 1Malaysia*. Dokumen ini turut digunakan untuk memantau status pencapaian setiap organisasi di bawah KKM bagi tujuan penambahbaikan.

## 3 TERAS STRATEGIK / BIDANG KEBERHASILAN UTAMA [KEY RESULT AREAS (KRA)]

Berdasarkan KRA RMK10<sup>11,12</sup> berkaitan 'penjagaan kesihatan berkualiti dan gaya hidup sihat' yang bertujuan untuk melahirkan 'masyarakat sihat yang mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan dan kemudahan rekreasi yang berkualiti,' empat strategi nasional RMK10 telah dikenal pasti oleh kerajaan iaitu :

- Mewujudkan sistem penjagaan kesihatan dan infrastruktur rekreasi yang komprehensif.
- Menggalakkan kesedaran kesihatan dan aktiviti gaya hidup sihat.
- Memperkasakan masyarakat untuk merangka atau menjalankan program kesejahteraan individu (bertanggungjawab ke atas kesihatan diri).
- Mentransformasikan sektor kesihatan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian bagi memastikan akses yang menyeluruh (*universal access*).

Seterusnya, keempat-empat strategi nasional ini telah digarap untuk menghasilkan teras strategik<sup>8</sup> khusus bagi sektor kesihatan iaitu :

- Transformasi sektor kesihatan ke arah sistem kesihatan yang efisien dan berkesan untuk memastikan akses yang universal kepada penjagaan kesihatan.
- Kesedaran terhadap kesihatan dan gaya hidup sihat.
- Memperkasakan individu dan komuniti agar bertanggungjawab terhadap kesihatan sendiri.

Ketiga-tiga teras strategik ini telah diguna pakai sebagai KRA<sup>8</sup> peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia. Jadual 1 menunjukkan hubung kait antara Strategi Nasional RMK10 berkaitan kesihatan dengan KRA peringkat KKM.

Di samping 3 teras strategik ini, *National Key Economic Area* (NKEA) Penjagaan Kesihatan juga telah digubal untuk menjana kekayaan melalui kecemerlangan dalam industri penjagaan kesihatan.

### **Jadual 1 : Hubung kait antara Strategi Nasional RMK10 berkenaan kesihatan dengan KRA KKM**

STRATEGI NASIONAL RMK10	KRA KKM
i. Mewujudkan sistem penjagaan kesihatan dan infrastruktur rekreasi yang komprehensif.	Transformasi sektor kesihatan ke arah sistem kesihatan yang efisien dan berkesan untuk memastikan akses yang universal terhadap penjagaan kesihatan
ii. Mentransformasikan sektor kesihatan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian bagi memastikan akses yang menyeluruh ( <i>universal access</i> ).	
iii. Menggalakkan kesedaran kesihatan dan aktiviti gaya hidup sihat.	Kesedaran kesihatan dan gaya hidup sihat.
iv. Memperkasakan masyarakat untuk merangka atau menjalankan program kesejahteraan individu (bertanggungjawab ke atas kesihatan diri).	Memperkasakan individu dan komuniti agar bertanggungjawab terhadap kesihatan sendiri.

## **4. STRATEGI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Berdasarkan ketiga-tiga KRA, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menggubal beberapa strategi untuk dilaksanakan bagi tempoh 2011 – 2015 di samping turut mengenal pasti beberapa *outcome* untuk mengukur pencapaian perlaksanaan strategi-strategi tersebut. Ringkasan strategi dan *outcome* KKM<sup>4</sup> adalah seperti dalam Jadual 2.

### **Jadual 2 : Strategi dan *Outcome* KKM untuk KRA dan NKEA yang dikenal pasti bagi tempoh RMK10**

TERAS STRATEGIK / KRA KKM	STRATEGI KKM	OUTCOME
KRA 1: Transformasi sektor kesihatan ke arah sistem kesihatan yang efisien dan berkesan untuk memastikan akses yang universal kepada penjagaan kesihatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memperkuatkan dan menyelaras sistem penyampaian penjagaan kesihatan sedia ada dalam usaha menjayakan <i>1Care for 1Malaysia</i>.</li> <li>2. Membangunkan Sistem Pembiayaan Penjagaan Kesihatan yang bersepadu.</li> <li>3. Menyediakan sistem penjagaan kesihatan yang <i>standard</i> dan berkualiti.</li> <li>4. Menyediakan tenaga kerja yang kompeten dan mencukupi.</li> <li>5. Memperkuatkan penguatkuasaan dan perundungan penjagaan kesihatan.</li> <li>6. Memperkuatkan pelaksanaan, pemantauan dan penilaian sistem.</li> <li>7. Menjadikan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai <i>enabler</i>.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyampaian Kesihatan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyampaian perkhidmatan kesihatan sektor awam dan swasta telah diintegrasikan</li> <li>• Akses yang menyeluruh</li> <li>• Kesaksamaan akses fizikal</li> <li>• Penjagaan selamat dan berkualiti tinggi</li> </ul> </li> <li>• Kewangan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesaksamaan akses kewangan</li> <li>• Pengawalan kos</li> </ul> </li> <li>• Tadbir Urus <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelestarian sistem penyampaian penjagaan kesihatan</li> <li>• Akur kepada standard dan kualiti yang dikenal pasti</li> <li>• Responsif kepada keperluan penduduk</li> </ul> </li> </ul>

TERAS STRATEGIK / KRA KKM	STRATEGI KKM	OUTCOME
KRA 2: Kesedaran Kesihatan dan gaya hidup sihat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan akses kepada pengetahuan kesihatan.</li> <li>2. Memberi motivasi kepada individu, keluarga dan komuniti untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran.</li> <li>3. Meningkatkan peluang untuk mengamal gaya hidup sihat di tempat kerja, sekolah, rumah dan sebagainya.</li> <li>4. Membangun dan menguatkuasa dasar awam ke arah gaya hidup sihat.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rakyat Malaysia akan menjadi celik kesihatan</li> <li>• Rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat</li> </ul>
KRA 3: Memperkasakan individu, keluarga dan masyarakat agar bertanggungjawab terhadap kesihatan sendiri	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan tahap celik kesihatan.</li> <li>2. Menyediakan maklumat kesihatan termasuk kos penjagaan kesihatan dan dasar tadbir urus.</li> <li>3. Menyediakan aliran untuk membuat aduan dan mendapatkan maklum balas mengenai pengamal kesihatan.</li> <li>4. Memobilisasi persatuan-persatuan sivil.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu, keluarga dan komuniti memperolehi pengetahuan serta kemahiran yang mencukupi untuk membuat keputusan mengenai kesihatan masing-masing</li> </ul>

TERAS STRATEGIK / KRA KKM	STRATEGI KKM	OUTCOME
<p>NKEA Penjagaan Kesihatan: Menjana kekayaan melalui kecemerlangan dalam industri penjagaan kesihatan</p>	<p><b>13 <i>Entry-Point Project (EPP)</i></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mewajibkan perlindungan insurans kesihatan untuk pekerja asing (EPP1).</li> <li>2. Mewujudkan ekosistem yang menyokong pertumbuhan penyelidikan klinikal (EPP2).</li> <li>3. Meneroka peluang eksport produk farmaseutikal (EPP3).</li> <li>4. Memangkin pertumbuhan pelancongan kesihatan melalui layanan pelanggan yang lebih baik, kbeitaraan pemasaran dan kerjasama strategik (EPP4).</li> <li>5. Mewujudkan neksus perkhidmatan diagnostik untuk mencapai skala dalam teleperubatan bagi penyumberluaran antarabangsa (EPP5).</li> <li>6. Membangunkan metropolis kesihatan (EPP6).</li> <li>7. Meningkatkan skala dan keupayaan industri <i>In-Vitro Diagnostics (IVD)</i> (EPP7).</li> <li>8. Membangunkan produk <i>Single Use Devices (SUD)</i> generasi baru (EPP8).</li> <li>9. Menjadi hub pengeluaran kontrak bagi peralatan perubatan bernilai tinggi (EPP9).</li> <li>10. Mewujudkan usahawan tempatan berjaya dalam sektor peralatan klinikal (EPP10).</li> <li>11. <i>Medical equipment supply chain orchestration</i> (EPP11).</li> <li>12. Membangunkan hub membaikpulih kelengkapan perubatan (EPP12).</li> <li>13. Membangunkan kluster perkakasan dan perabot perubatan (EPP13).</li> </ol>	<p>Menjana pertumbuhan industri penjagaan kesihatan yang mampan.</p>

Keterangan terperinci mengenai strategi tersebut adalah seperti berikut :

**KRA 1 : MENTRANSFORMASIKAN SEKTOR KESIHATAN KE ARAH SISTEM KESIHATAN YANG EFISIEN DAN BERKESAN UNTUK MEMASTIKAN AKSES YANG UNIVERSAL TERHADAP PENJAGAAN KESIHATAN**

i. **Memperkuuh dan menyelaras sistem penyampaian penjagaan kesihatan sedia ada dalam usaha menjayakan *1Care for 1Malaysia***

Sistem penyampaian penjagaan kesihatan perlu diperkuuh dan diselaraskan. Penjagaan kesihatan primer akan menjadi teras bagi sistem kesihatan di Malaysia. Setiap penduduk dan pengamal perubatan akan didaftar. Sistem rujukan akan dizonkan mengikut kawasan.

Keutamaan penjagaan kesihatan akan diberi terhadap pencegahan dan promosi kesihatan. Sumber kesihatan akan digerakkan dan dikongsi bersama. Teknologi yang bersesuaian akan digunakan bagi tujuan penyampaian penjagaan kesihatan.

ii. **Sistem Pembiayaan Penjagaan Kesihatan yang Bersepadu**

Satu sistem pembiayaan penjagaan kesihatan yang bersepadu akan diwujud bagi mempertingkatkan akses dan kesaksamaan terhadap penjagaan kesihatan yang berkualiti. Sistem ini akan menjamin agar setiap rakyat mendapat perkhidmatan yang bersesuaian di mana saja tanpa perlu berfikir mengenai kos pembiayaan. Sistem ini akan memastikan terdapat kesaksamaan dalam pengagihan sumber termasuk fasiliti kesihatan. Maklumat struktur kos akan menjadi lebih teratur. Pelaksanaan sistem ini akan memastikan bahawa penguatkuasaan *Private Healthcare Facilities and Services Act 1998* (PHFSA 1998) dapat dilaksanakan dengan berjaya. Sistem pembiayaan yang sedang diambil kira untuk dilaksanakan adalah sistem insurans kesihatan sosial yang turut mengkaji pengguna *case mix* sebagai asas bagi mekanisme pembayaran kepada pengamal perubatan serta *co-payment*. Paket perubatan turut dikaji dalam pelaksanaan sistem insurans ini.

iii. **Penjagaan kesihatan asas yang berkualiti**

Fasiliti kesihatan akan diakreditasi dan pengamal perubatan akan diwartakan bagi memastikan bahawa perkhidmatan kesihatan yang diberi adalah berkualiti dan mengikut piawaian/*standard* penjagaan kesihatan. Bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran, setiap anggota kesihatan perlu mengikuti pembangunan profesional yang berterusan. Garis panduan amalan akan diperkembang dan peranan Penilaian Teknologi Kesihatan akan dipergiatkan. Peranan tadbir urus klinikal turut diperkuuhkan. Penyediaan garis panduan serta sistem perundangan dan penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan.

iv. **Tenaga kerja yang kompeten dan mencukupi**

Usaha akan dibuat agar pembangunan modal insan dalam bidang kesihatan menjadi lebih efisien dalam memenuhi keperluan dan tuntutan bidang kesihatan. Ini termasuklah daripada segi bilangan dan kompetensi/kemahiran serta pengagihan sumber. Insentif dan hadiah/ganjaran berdasarkan prestasi perkhidmatan akan diambil kira. Kompetensi juga perlu dibangunkan dalam bidang tadbir urus dan kawal selia klinikal (*clinical governance*) agar kualiti penyampaian penjagaan kesihatan dapat dipertingkatkan.

v. **Memperkuuhkan penguatkuasaan dan perundangan penjagaan kesihatan**

Undang-undang kesihatan perlu diperkuuhkan melalui kajian dan penyemakan semula akta dan garis panduan serta penggubalan undang-undang kesihatan relevan yang baru. Sistem perundangan perlu memastikan agar kod etika kesihatan diikuti. Sejajar dengan ini, sumber termasuk anggota yang terlatih, kompeten serta mencukupi perlu diwujudkan supaya aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lancar.

**vi. Memperkuatkan pelaksanaan dan sistem pemantauan dan penilaian**

Kompetensi dalam pengawasan perlu diperkuatkan agar pelaksanaan program kesihatan dapat dipantau dan dinilai berdasarkan data dan maklumat yang terkini. Maklumat kesihatan dan hasil penyelidikan yang berkualiti perlu diwujud bagi memastikan data tersebut masih relevan untuk dijadikan bukti bagi setiap peringkat keputusan. Kapasiti dalam perkara ini perlu dipertingkatkan.

**vii. Menjadikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi sebagai *Enabler***

Penggunaan dan pelaburan dalam teknologi maklumat perlu dipertingkatkan untuk dijadikan *enabler* bagi tujuan komunikasi dan penyebaran maklumat berkaitan dengan transformasi kesihatan. Ini adalah untuk memastikan agar maklumat yang diperoleh adalah yang sahih dan terkini serta mudah diakses pada bila-bila masa.

**KRA 2 : KESEDARAN KESIHATAN DAN GAYA HIDUP SIHAT**

**i. Meningkatkan akses kepada pengetahuan kesihatan.**

Akses pengetahuan kesihatan kepada penduduk perlu dipertingkatkan dengan mengguna pendekatan yang lebih berinovasi untuk memperkasakan setiap golongan masyarakat. Ini melibatkan perkongsian maklumat di setiap peringkat. Insentif perlu diberi kepada individu yang berpengetahuan khusus kepada mereka yang mengamalkan gaya hidup sihat.

**ii. Memberi motivasi kepada individu, keluarga dan komuniti untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran**

Individu, keluarga dan komuniti perlu diberi motivasi untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai penjagaan kesihatan masing-masing. Ini melibatkan pendekatan yang berinovasi dan pemberian insentif kepada pihak tertentu.

**iii. Meningkatkan peluang untuk mengamalkan gaya hidup sihat di tempat kerja, sekolah, rumah dan sebagainya**

Prasarana, kemudahan dan persekitaran di tempat kerja, sekolah dan rumah perlu dikaji serta diperbaiki untuk membolehkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat. Ini termasuklah dalam penyediaan makanan dan poster-poster bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat.

**iv. Membangun dan menguatkuasa dasar awam ke arah gaya hidup sihat**

Dasar-dasar kesihatan ke arah menggalakkan gaya hidup sihat di setiap peringkat umur perlu dibangun dan dikuatkuasakan. Ini termasuklah dasar-dasar bagi mengurangkan risiko kejadian penyakit seperti promosi untuk berhenti merokok; pengambilan makanan dan minuman yang mengandungi kurang gula; garam dan lemak atau minyak serta fiber tinggi; penggalakan bersenam serta amalan untuk mengurangkan stress.

**KRA 3 : MEMPERKASAKAN INDIVIDU, KELUARGA DAN MASYARAKAT AGAR BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KESIHATAN SENDIRI**

**i. Meningkatkan tahap celik kesihatan**

Strategi perlu diwujud bagi meningkatkan tahap celik kesihatan penduduk Malaysia. Ini termasuklah usaha untuk memperkasakan individu, keluarga dan masyarakat melalui penyediaan maklumat yang sahih berkaitan sesuatu penyakit, kaedah pencegahan dan rawatan agar setiap golongan masyarakat turut terlibat dalam membuat keputusan serta pemilihan bagi mendapatkan rawatan penyakit masing-masing.

**ii. Menyediakan maklumat kesihatan termasuk kos penjagaan kesihatan dan dasar tadbir urus**

Individu, keluarga dan masyarakat perlu tahu cara mendapatkan maklumat kesihatan termasuk kos penjagaan kesihatan dan dasar-dasar tadbir urus supaya mereka turut bertanggungjawab dalam mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang optimum.

**iii. Menyediakan saluran untuk membuat aduan dan mendapatkan maklum balas mengenai pengamal kesihatan**

Saluran untuk membuat aduan serta maklum balas berkenaan pengamal kesihatan perlu diwujudkan agar setiap golongan masyarakat boleh mendapatkan rawatan kesihatan yang terbaik serta berkualiti.

**iv. Menggerakkan persatuan-persatuan sivil**

Persatuan-persatuan sivil perlu digerak untuk membolehkan organisasi terlibat secara aktif dalam memperkasakan individu, keluarga dan komuniti bertanggungjawab terhadap kesihatan sendiri.

**NKEA PENJAGAAN KESIHATAN**

**- MENJANA KEKAYAAN MELALUI KECEMERLANGAN DALAM INDUSTRI PENJAGAAN KESIHATAN**

**i. EPP1 - Mewajibkan perlindungan insurans kesihatan swasta untuk pekerja asing**

Pada masa ini, terdapat lebih kurang 1.8 juta pekerja asing sah di Malaysia dan hanya 75% daripadanya dilindungi skim pampasan pekerja. Skim bayaran pampasan kemalangan dan kematian pekerja sedia ada di negara ini adalah rendah berbanding dengan negara jiran seperti Thailand dan Singapura. Keadaan ini memberikan imej kurang baik terhadap Malaysia sebagai majikan pekerja asing. Dalam pada itu, beban bil hospital tertunggak yang semakin meningkat menambahkan lagi beban kos penjagaan kesihatan rakyat. Melalui pengenalan skim perlindungan insurans kesihatan swasta ini, ianya mampu meningkatkan imej negara sebagai majikan yang menjaga kebijakan pekerja asing di samping mengurangkan beban bil hospital tertunggak.

**ii. EPP2 - Mewujudkan ekosistem yang menyokong pertumbuhan penyelidikan klinikal**

Industri penyelidikan klinikal global berkembang pada kadar 15% setahun dan mencapai lebih RM64 bilion pada 2009. Pertumbuhan di Asia telah mengatasi pasaran global di mana China, India dan Asia Tenggara, secara terkumpul, menyumbang sebanyak 30% daripada pertumbuhan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Malaysia agak ketinggalan berbanding negara-negara Asia yang lain. Pada tahun 2009, hanya 100 ujian klinikal telah dijalankan dan antara tahun 2003 dan 2009, kadar pertumbuhan hanya berada pada tahap 7% hingga 8%. Malaysia berhasrat untuk meningkatkan jumlah ujian klinikal kepada 1,000 ujian menjelang 2020. Ini akan menempatkan Malaysia pada kedudukan yang kompetitif berbanding negara seperti Taiwan yang mempunyai profil demografi seperti Malaysia tetapi menjalankan lapan kali lebih banyak ujian klinikal.

**iii. EPP3 - Meneroka peluang eksport produk farmaseutikal**

Pada masa ini, pengilang farmaseutikal tempatan lebih banyak memberi fokus kepada pasaran domestik. Apabila tempoh paten ubat-ubatan 'blockbuster' utama (ubat-ubatan yang menjana keuntungan lebih RM3.2 billion untuk setiap pemiliknya pada setiap tahun) luput dalam tempoh 10 tahun yang akan datang, pasaran global yang dianggarkan bernilai RM435 bilion akan terbuka kepada pengeksport generik Malaysia. Secara umum, industri farmaseutikal Malaysia adalah tidak kompetitif dalam konteks kos relatif berbanding India dan China. Malaysia adalah satu-satunya negara Persatuan Persidangan Islam (OIC) yang mempunyai keahlian dalam *The Pharmaceutical Inspection Convention and Pharmaceutical Inspection Co-operation Scheme (PIC/S)*. Berikutan dari itu, strategi berasaskan eksport ke negara-negara OIC mampu membantu pertumbuhan industri farmaseutikal negara.

**iv. EPP4 - Memangkin pertumbuhan pelancongan kesihatan melalui layanan pelanggan yang lebih baik, kbeitaraan pemasaran dan kerjasama strategik**

Industri pelancongan kesihatan telah menunjukkan pertumbuhan yang konsisten sebanyak 38% setahun antara tahun 2003 dan 2008. Walau bagaimanapun, ia telah mengalami pengecutan pada tahun 2009 dan industri tersebut terdedah kepada kejutan luar seperti krisis ekonomi global dan peningkatan tekanan persaingan daripada negara-negara jiran. Pasaran seperti Singapura dan Thailand bukan sahaja menunjukkan sejarah pertumbuhan yang lebih pantas tetapi pada masa yang sama dapat menangani kemerosotan tersebut melalui penawaran perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi dan pengalaman kesihatan bernilai tinggi.

Dengan itu, kini strategi tertumpu kepada memperluaskan asas pelanggan bagi industri tersebut, iaitu tidak hanya memberi tumpuan kepada pelanggan dari Indonesia (merangkumi 70% daripada jumlah pelancong kesihatan pada 2009) dan membina keupayaan dalam bidang kepakaran tertentu untuk beralih daripada rawatan pesakit luar kepada rawatan pesakit dalam yang lebih menguntungkan pada masa hadapan.

**v. EPP5 - Mewujudkan neksus perkhidmatan diagnostik untuk mencapai skala dalam teleperubatan bagi penyumberluaran antarabangsa**

Kecekapan perkhidmatan diagnostik domestik boleh diperolehi melalui perkongsian awam-swasta. Perkongsian teknologi dan maklumat di antara pembekal perkhidmatan diagnostik swasta dan sebilangan besar syarikat multinasional melalui sebuah institusi penyelaras berupaya membantu menyebarkan beban kerja khususnya dalam bidang radiologi dan patologi. Melalui model perniagaan berskala besar, keupayaan dan kelebihan ini seterusnya akan digunakan untuk membuat penawaran perkhidmatan diagnostik di peringkat antarabangsa.

**vi. EPP6 - Membangunkan metropolis kesihatan**

Institusi akademik, hospital awam dan swasta serta konglomerat sektor swasta di Malaysia dan rantau ini sedang berusaha ke arah mewujudkan ekosistem penjagaan kesihatan yang terletak di dalam sebuah kampus besar. Pembangunan ekosistem penjagaan kesihatan di Lembah Klang yang mengintegrasikan penyelidikan, pendidikan dan rawatan perubatan merupakan aspirasi negara bagi mewujudkan metropolis kesihatan bertaraf dunia seperti Longwood Medical Area di Harvard University dan Bio-X Centre di Stanford University, Amerika Syarikat. Kejayaan ini seterusnya akan dijadikan batu loncatan dalam pembangunan ekosistem yang serupa di lokasi lain.

**vii. EPP7 - Meningkatkan skala industri *In-Vitro Diagnostics (IVD)***

*IVD solutions* adalah ujian yang dijalankan di persekitaran terkawal di luar badan manusia bagi mengesan sesuatu penyakit. Pada tahun 2010, pasaran global produk IVD mencecah RM128 billion dan ianya dijangka terus berkembang pada tahap 6% setahun sehingga mencecah RM160 bilion pada 2016. Malaysia berhasrat untuk menjadi hub *IVD solutions* yang memberi fokus kepada penyakit berjangkit utama di negara-negara tropika seperti *tuberculosis* (TB), malaria, denggi dan kolera.

**viii. EPP8 - Membangunkan produk *Single Use Devices (SUD)* generasi baru**

